

SULIT

3756/2

3756/2  
Prinsip  
Perakaunan  
Kertas 2  
November  
2021  
2 ½ jam

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
NEGERI PERLIS  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021

---

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.*
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
4. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.*
5. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada halaman yang baharu.*
6. *Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Bahagian A****[60 markah]***Jawab semua soalan.*

1. (a) Jelaskan prinsip dan batasan dalam perakaunan berdasarkan situasi berikut:

(i)	Encik Munir merekod ambilan barang niaga untuk kegunaan peribadi dalam lejar perniagaannya.	
(ii)	Syamsiah mencatat nilai kenderaan berdasarkan harga sebenar aset berkenaan ketika dibeli 3 tahun yang lalu.	

[2 markah]

- (b) Kedai Buku Masyitah membeli barang niaga secara kredit pada 1 Jun 2021 bernilai RM1 700. Syarat yang terdapat dalam invois adalah seperti berikut:

Diskaun niaga 10% dan diskaun tunai 10% 5 hari, 5% 20 hari.

Hitung nilai sebenar yang harus dibayar kepada Pustaka Hambali sekiranya pembayaran dibuat pada 5 Jun 2021? [2 markah]

- (c) Nyatakan satu kaedah yang paling sesuai menilai susut nilai alat-alat kecil dan berikan alasan.

[2 markah]

- (d) Senaraikan 2 contoh kos overhead.

[2 markah]

- (e) Nyatakan perbezaan antara perbelanjaan hasil dengan perbelanjaan modal.

[2 markah]

2. Puan Azila menjalankan perniagaan makanan ringan De Zeela Trading yang beroperasi di Padang Besar, Perlis. Imbangan Duga perniagaannya pada 30 September 2021 adalah seperti berikut:

**De Zeela Trading**  
**Imbangan Duga pada 30 September 2021**

	Debit	Kredit
	(RM)	(RM)
Pinjaman bank 6%		42 000
Bank		5 196
Peruntukan hutang ragu		704
Angkutan masuk	174	
Angkutan keluar	1 292	
Tunai	5 230	
Ambilan	5 000	
Modal 1 Oktober 2020		113 050
Belanja am	1 250	
Insurans	5 400	
Inventori 1 Oktober 2020	5 300	
Faedah atas pinjaman	2 310	
Cetakan dan alat tulis	548	
Premis	110 000	
Belian	80 820	
Belanja membaiki	1 900	
Pulangan	466	1 090
Jualan		178 000
Gaji	18 300	
Akaun Belum Bayar		5 270
Akaun Belum Terima	12 320	
Kenderaan	95 000	
	345 310	345 310
	345 310	345 310

**Maklumat tambahan:**

- (i) Kad inventori bagi bulan terakhir tempoh perakaunan perniagaan ini adalah seperti berikut:

**Nama Item: Minuman Isotonik**

Tarikh	Dokumen	Masuk	Keluar	Baki	Kos Seunit	Jumlah
2020					RM	RM
Sept-01	Memo			1 430	2.00	2 860.00
3	Bil Tunai		50	1 380	2.00	2 760.00
10	Invois	950		2 330	2.00	4 660.00
12	Bil Tunai		105	2 225	2.00	4 450.00
18	Bil Tunai		484	1 741	2.00	3 482.00
20	Bil Tunai		315	1 426	2.00	2 852.00
23	Bil Tunai		96	1 330	2.00	2 660.00
26	Invois	750		2 080	2.00	4 160.00

**Nama Item: Air Mineral**

Tarikh	Dokumen	Masuk	Keluar	Baki	Kos Seunit	Jumlah
2020					RM	RM
Sept-01	Memo			515	1.00	515.00
3	Bil Tunai		15	500	1.00	500.00
10	Invois	1 200		1 700	1.00	1 700.00
12	Bil Tunai		135	1 565	1.00	1 565.00
18	Invois		720	845	1.00	845.00
20	Bil Tunai		105	740	1.00	740.00
23	Invois		245	495	1.00	495.00
26	Invois	840		1 335	1.00	1 335.00
27	Nota Kredit		90	1 245	1.00	1 245.00
28	Bil Tunai		450	795	1.00	795.00
28	Invois		490	305	1.00	305.00
30	Invois	1 200		1 505	1.00	1 505.00

**Nama Item: Air Kotak**

Tarikh	Dokumen	Masuk	Keluar	Baki	Kos Seunit	Jumlah
2020					RM	RM
Sept-01	Memo			950	1.50	1 425.00
3	Bil Tunai		80	870	1.50	1 305.00
10	Invois	240		1 110	1.50	1 665.00
12	Bil Tunai		30	1 080	1.50	1 620.00
18	Invois		60	1 020	1.50	1 530.00
20	Bil Tunai		110	910	1.50	1 365.00
23	Invois	240		1 150	1.50	1 725.00
26	Invois		40	1 110	1.50	1 665.00
27	Bil Tunai		120	990	1.50	1 485.00
29	Bil Tunai		160	830	1.50	1 245.00
29	Bil Tunai	240		1 070	1.50	1 605.00
30	Bil Tunai		70	1 000	1.50	1 500.00

**Nama Item: Bar Coklat**

Tarikh	Dokumen	Masuk	Keluar	Baki	Kos Seunit	Jumlah
2020					RM	RM
Sept-01	Memo			200	2.50	500.00
3	Bil Tunai		15	185	2.50	462.50
10	Invois		5	180	2.50	450.00
12	Bil Tunai		18	162	2.50	405.00
18	Invois		5	157	2.50	392.50
20	Bil Tunai	100		257	2.50	642.50
23	Invois		20	237	2.50	592.50
26	Invois		30	207	2.50	517.50
28	Bil Tunai		35	172	2.50	430.00
28	Bil Tunai	100		272	2.50	680.00

- (ii) Terima bil elektrik RM1 467. Perkara ini belum direkodkan.
- (iii) Komisen sepatutnya diterima RM1 300.
- (iv) Peruntukan hutang ragu ditetapkan 5% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (v) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Mengira inventori akhir. [2 markah]
- (b) Menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2021. [13 markah]
- (c) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2021. [10 markah]

3. En Zakri, pemilik Zack Boutique telah menjalankan perniagaannya empat tahun yang lalu dengan menjual pelbagai jenis jersi di Kompleks C'Mart Arau. Berikut adalah maklumat yang diperolehi daripada perniagaan beliau:

	RM
Baki di bank	24 000
Baki di tangan	2 150
Baki tunai runcit	85
Premis	120 000
Inventori	12 800
Akaun Belum Terima	6 500
Akaun Belum Bayar	2 900

Bagi menaiktaraf perniagaannya, beliau ingin membuat pinjaman sebanyak RM15 000. Pihak bank meminta beliau untuk menyediakan Penyata Belanjawan Tunai untuk tujuan tersebut.

Berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tempoh tiga bulan berakhir 31 Disember 2021:

- (i) Belian jersi pada bulan Oktober adalah RM12 000 dan akan meningkat sebanyak 10% setiap bulan daripada bulan sebelumnya. 40% daripada belian adalah secara tunai. Tempoh kredit adalah sebulan.
- (ii) Pinjaman dijangka akan diterima pada 1 November 2021 berkadar faedah 6% setahun dengan tempoh bayaran balik selama 5 tahun. Ansuran bayaran balik akan dibuat pada awal setiap bulan bermula bulan Disember.
- (iii) Anggaran perbelanjaan bulanan:
 

	RM
Gaji pekerja	2 500
Kadar bayaran	1 200
- (iv) Anggaran jualan pada bulan Oktober dan November adalah RM16 000 dan RM18 000 dan dijangka meningkat 15% pada bulan Disember. 30% daripada jualan adalah secara tunai. Tempoh kredit adalah sebulan.
- (v) Perbelanjaan bulanan iklan dan promosi adalah RM600. Perbelanjaan ini dijangka akan berkurangan sebanyak 5% pada bulan Disember.
- (vi) Pembelian rak pameran bernilai RM10 000 dijangka akan dibeli pada bulan Oktober dengan pendahuluan sebanyak RM4 000. Bakinya akan dibayar secara ansuran sebanyak empat kali bermula bulan berikutnya.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2021. [20 markah]
- (b) Nyatakan tiga kepentingan belanjawan tunai. [3 markah]
- (c) Nyatakan dua alternatif untuk mengatasi kekurangan belanjawan. [2 markah]



**Bahagian B****[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

4. Puan Rozi dan Puan Seri adalah rakan kongsi dalam Perkongsian Rose. Berikut ialah Imbangan Duga dari buku Perkongsian Rose pada 31 Disember 2020.

**Imbangan Duga pada 31 Disember 2020**

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Modal pada 1 Januari 2020:		
Rozi		60 000
Seri		40 000
Akaun Semasa:		
Rozi		2 600
Seri		1 400
Inventori 1 Januari 2020	22 260	
Akaun Belum Terima	9 800	
Akaun Belum Bayar		5 420
Bank	7 200	
Kenderaan	50 000	
Peralatan	20 000	
Jualan		81 700
Belian	58 800	
Pulangan belian		1 200
Kadar bayaran	5 890	
Belanja am	3 350	
Gaji Seri	9 000	
Ambilan Seri	2 500	
Diskaun diterima		1 980
Sewa kedai	5 500	
	194 300	194 300
	194 300	194 300

Perjanjian perkongsian menggariskan perkara berikut:

- (a) Faedah atas modal 5% setahun.
- (b) Ambilan oleh pekongsi dikenakan faedah 4% setahun.
- (c) Gaji Puan Seri RM12 000 setahun.
- (d) Nisbah untung atau rugi antara Puan Rozi dan Puan Seri ialah 3 : 2.

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 31 Disember 2020 bernilai RM30 200.
- (ii) Kadar bayaran prabayar RM820.
- (iii) Sewa kedai setahun RM6 600.
- (iv) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. [8 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. [6 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan). [6 markah]

- 5 (a) Pada 1 Januari 2021, Azwan membawa masuk tunai peribadi sebanyak RM10 500 dan perabot bernilai RM5 500.

Berikut merupakan senarai aset dan liabiliti perniagaan pada 30 Jun 2021.

	RM
Alatan pejabat (kos)	10 100
Perabot (kos)	8 600
Inventori	5 900
Akaun Belum Terima	3 800
Akaun Belum Bayar	4 800
Tunai	980
Overdraf bank	1 100
Insurans prabayar	420
Kadar bayaran belum bayar	280
Sewa belum terperoleh	880
Komisen belum terima	390

#### **Maklumat Tambahan**

- (i) Semua aset bukan semasa disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (ii) Seorang pelanggan yang berhutang sebanyak RM400 telah mufliis dan hutangnya dihapus kira. Perkara ini belum direkodkan.
- (iii) Wujudkan 5% peruntukan hutang ragu atas Akaun Belum Terima bersih.
- (iv) Azwan telah mengambil tunai bernilai RM200 dan barang niaga RM160 setiap bulan untuk kegunaan peribadi.
- (v) Pemilik telah membawa masuk tunai tambahan bernilai RM3 500 untuk kegunaan perniagaan.

#### **Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Mengira Modal pada 30 Jun 2021. [7 markah]
- (b) Penyata Mengira Untung Rugi bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2021. [4 markah]

- 5 (b) Pada 31 Mei 2021, Perniagaan AmWan Enterprise telah mengesan beberapa kesilapan dalam buku perniagaannya. Berikut adalah kesilapan-kesilapan yang telah dikesan:
- (i) Kos angkutan masuk barang niaga yang berjumlah RM300 telah dicatat dengan betul dalam Buku Tunai tetapi telah direkodkan sebagai angkutan keluar.
  - (ii) Belanja membaiki kenderaan sebanyak RM450 telah didebitkan dalam Akaun Kenderaan.
  - (iii) Jualan barang niaga RM1 500 kepada Perniagaan Asiah telah tersalah catat dalam Perniagaan Aishah.
  - (iv) Pinjaman bernilai RM10 000 yang diterima telah digunakan untuk membeli komputer perniagaan sebanyak RM3 000 dan bakinya digunakan untuk membeli barang niaga. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.

**Anda dikehendaki menyediakan** catatan dalam jurnal am untuk membetulkan kesilapan tersebut (keterangan tidak diperlukan).

[9 markah]

6. (a) Kilang Kasut Jernih Hike adalah pengeluar kasut yang beroperasi di Perlis. Maklumat yang berikut berkaitan dengan pengeluaran kasut kilang tersebut.

	<b>RM</b>
Kos tetap	7 000
Kos berubah seunit	45
Harga jualan seunit	80

- (a) Dengan menggunakan kaedah graf:

- (i) Lengkapkan jadual di bawah:

Unit keluaran	Kos tetap	Kos berubah	Jumlah kos	Jumlah hasil
0	7 000	0	7 000	0
100	7 000	<b>P</b>	11 500	8 000
200	7 000	9 000	<b>Q</b>	16 000
300	7 000	13 500	20 500	<b>R</b>

[3 markah]

- (ii) Berdasarkan jadual (i), lakarkan garisan kos tetap, jumlah kos dan jumlah hasil menggunakan skala berikut:

$$\text{Paksi } x = 2\text{cm} : 100 \text{ unit}$$

$$\text{Paksi } y = 2\text{cm} : \text{RM}5\,000$$

[3 markah]

- (iii) Tentukan titik pulang modal bagi pengeluaran kasut. [2 markah]

- (b) Hitungkan jumlah pengeluaran untuk mencapai keuntungan RM70 000.

[2 markah]

- (c) Hitungkan titik pulang modal yang baru jika kos berubah seunit berkurang sebanyak RM5.00 tetapi harga jualan tidak berubah.

[2 markah]

6. (b) Berikut merupakan urus niaga Perniagaan Warisan Betak bagi bulan Oktober 2021. Perniagaan ini menggunakan sistem panjar dengan menetapkan jumlah sebanyak RM300 dan menerima tunai setiap awal bulan.

Berikut adalah ringkasan urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Oktober 2021.

Oktober	Urus niaga	RM
1	Baki	80
	Terima cek	?
3	Tambang teksi	30
7	Setem	35
12	Minuman tetamu	12
17	Pakir	23
20	Pewangi pejabat	25
26	Beli mesin pencetak	350
30	Pos bungkusan	32

**Anda dikehendaki menyediakan:**

Buku tunai runcit sehingga 1 November 2021 dengan menunjukkan lajur analisis Pos, Belanja Pejabat dan Tambang (gunakan LAMPIRAN A).

[8 markah]

